

FLORA DAN FAUNA HAK MILIK SEMUA

Kematian Iman, badak sumbu Sumatera terakhir di Malaysia dan pembunuhan berterusan gajah Borneo pada tahun 2019 di negara ini memberikan impak yang besar kepada rakyat, khasnya buat para pencinta haiwan dan aktivis alam sekitar. Kisah yang menyedihkan ini merupakan antara episod duka yang menghantui senario penjagaan alam sekitar di Malaysia. Akibat pembangunan yang tidak terancang dan perbuatan manusia yang tidak beretika itu telah mendatangkan

kesan negatif kepada flora dan fauna, apatah lagi kepada manusia.

Masalah ini turut dihadapi oleh negara lain di dunia dan secara tidak langsung telah mendatangkan kesan negatif kepada alam sekitar dan menyebabkan perubahan iklim dunia. Dianggarkan bahawa sebanyak 10 juta kilometer persegi (km²) hutan di seluruh dunia telah musnah dek pembangunan sejak bermulanya abad ke-20. Menurut kajian oleh The World Bank, keluasan hutan di dunia telah mengecil sehingga 1.3 juta km persegi

dalam tempoh 25 tahun yang lepas. Flora dan fauna terancam akibat pengecilan kawasan hutan yang menjadi habitat hidupan ini.

Menurut laporan Trade Records of Flora dan Fauna, pada tahun 1986 dan Jun 1990, lebih daripada 500 000 hektar hutan di Malaysia telah ditebang walaupun kelulusan jumlah kawasan yang dibenarkan hanyalah 320 000 hektar. Aktiviti pembalakan secara haram sedikit banyak telah mengganggu ekosistem di Malaysia. Begitu juga dengan



aktiviti pembangunan pesat yang tidak terkawal dan tidak terancang telah mengundang bencana alam secara tidak langsung. Hal ini demikian kerana pembinaan bangunan konkrit serta jalan tar akan menutup permukaan bumi dan menghalang air daripada meresap ke dalam tanah. Kesannya, tanah runtuh dan banjir kilat akan sentiasa berlaku.

Sehubungan dengan itu, aspek penting yang perlu diberikan perhatian ialah keseimbangan alam yang dapat mengekalkan kehidupan.

Keseimbangan alam bermaksud berlakunya interaksi antara organisma atau antara organisma dengan alam sekitar. Untuk mencapai keseimbangan alam, peranan kitaran semula jadi amatlah penting. Kita sering diancam oleh bencana alam seperti gempa bumi, banjir dan kemarau yang menyebabkan keseimbangan alam turut terganggu seperti pencemaran alam sekitar, gangguan kitar semula jadi dan kerosakan habitat haiwan. Hutan menjadi habitat kepada haiwan dan penerokaan hutan secara berleluasa menyumbang kepada pengurangan populasinya.

Dari tahun 1990 hingga tahun 2010, dianggarkan bahawa Malaysia telah kehilangan 8.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan hutan. Hal ini jelas memberikan kesan yang sangat mendalam kepada alam sekitar dan perubahan iklim di negara ini. Jumlah hidupan liar juga semakin pupus ekoran pencemaran yang dilakukan oleh manusia yang menyebabkannya kehilangan habitat asal. Oleh itu, tidak hairanlah jika haiwan liar seperti harimau belang, gajah atau beruang tiba-tiba “mengamuk”. Jika manusia tidak mengganggu mereka, pastinya mereka tidak akan mengganggu manusia.

Hidupan liar seharusnya dipelihara dan dikekalkan supaya dapat memberikan nilai estetika kepada masyarakat mengenai hidupan liar. Masyarakat juga perlu sedar tentang peranan hidupan liar dalam membantu ekologi secara semula jadi kerana hidupan liar inilah yang menentukan rantaian makanan di dalam hutan. Sebagai contoh, kepupusan harimau seperti harimau Malaya telah mengganggu sistem ekologi terutama pembiakan babi hutan yang meningkat 10 kali ganda yang memusnahkan hasil pertanian.

Harimau Malaya bersifat pemangsa utama ekosistem. Sumber makanan utamanya ialah babi hutan, rusa, kijang, seladang, landak dan pelanduk. Spesies *Panthera tigris jacksoni* atau lebih dikenali sebagai harimau Malaya, menjadi

simbol kebanggaan rakyat Malaysia. Habitat utama harimau merentasi tiga landskap, iaitu Belum-Temengor (Perak), Taman Negara (Pahang, Terengganu, Kelantan) dan Endau-Rompin (Johor, Pahang).

Pujian harus diberikan kepada usaha yang dilaksanakan oleh Kumpulan Syarikat Emkay, yang membina Pusat Penyelidikan Hutan Hujan Pulau Banding di bawah Yayasan Pulau Banding pada tahun 2008. Pusat ini berfungsi sebagai pusat penyelidikan kepelbagaian biologi daratan dan akuatik di sekitar Taman Negeri Royal Belum dan Tasik Temenggor. Penubuhannya juga sejajar dengan hasrat untuk menjadikan pusat tersebut sebagai hab penyelidikan hutan hujan bertaraf dunia dan menjadikan Hutan Royal Belum sebagai makmalnya pada masa hadapan.

Taman Negeri Royal Belum di Gerik, Perak, merupakan antara hutan hujan tertua di dunia yang dikatakan berusia 130 juta tahun. Keindahan panorama hutannya juga tidak boleh dipertikaikan lagi kerana kekayaan khazanah alamnya termasuklah memiliki 3500 spesies flora dan fauna. Kelebihan itu bukan sahaja telah menarik perhatian pelancong untuk meneroka khazanah rimba dalam hutan berkenaan, malah saintis tempatan dan antarabangsa turut rancak membuat penyelidikan. Hutan Royal Belum menyimpan banyak tumbuhan herba yang dipercayai mampu merawat penyakit kronik termasuklah kanser.

Negeri Pahang juga telah mengambil inisiatif dengan mewartakan kawasan seluas 127 893 hektar sebagai hutan simpan kekal dalam usaha untuk memastikan kawasan hutan di negeri ini terpelihara dan proses pemuliharaan dapat dijalankan dengan lebih efektif. Antara kawasan tersebut termasuklah Sungai Yu, Mukim Batu Yon, di daerah Lipis yang merupakan habitat harimau Malaya.

Dana Hidupan Liar Sedunia (World Wildlife Fund for Nature) meramalkan bahawa harimau akan

pupus dalam masa 12 tahun lagi jika tiada inisiatif pemuliharaan dilakukan dengan segera. Setelah kehilangan tiga subspesies harimau, iaitu spesies Bali, Jawa dan Caspian, kini hanya tinggal lebih kurang 3200 ekor harimau daripada enam subspesies lain.

Hidupan liar lain seperti badak Jawa, banteng dan merak hijau juga boleh dikatakan telah pupus di Semenanjung Malaysia kerana tidak lagi ditemui hidup meliar di kawasan hutan dan hal ini akan merugikan generasi akan datang. Sebelum ini, badak Sumatera sering kali diburu untuk diambil sumbunya oleh pemburu haram untuk dijual di pasaran gelap kerana nilainya yang tinggi, iaitu sebanyak RM30 000 sekilo.

Sehubungan dengan itu, tindakan undang-undang yang keras akan dikenakan terhadap pemburu haram yang diberkas. Pemburu haram yang didapati bersalah kerana memburu binatang tanpa permit binatang yang dikawal untuk tujuan pembiakbakaan, sarkas, pameran dan penyelidikan akan didenda tidak melebihi RM70

000 dan penjara tidak lebih tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Akta Perhutanan Negara dan Akta Perlindungan Hidupan Liar juga dikuatkuasakan untuk mencegah perdagangan haram haiwan dan tumbuhan dan mengawal kegiatan pembalakan haram. Sebagai contoh, penguatkuasaan undang-undang untuk memelihara flora dan fauna yang hampir pupus seperti Akta Kualiti Alam Sekitar (EQA) 1974, aktiviti pembuangan sisa minyak di laut didenda sebanyak RM 50 000 dan sebagainya.

Dalam usaha untuk menjaga dan memelihara flora dan fauna di negara ini, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara atau lebih dikenali sebagai Jabatan PERHILITAN sentiasa berusaha untuk mengekalkan spesies hidupan liar yang semakin terancam. Berbekalkan visi untuk menjadi institusi yang cemerlang dalam pemuliharaan dan pengurusan lestari biodiversiti ke arah pencapaian wawasan negara, pelbagai program dan pengawasan telah dilakukan

untuk memelihara dan memupuk kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hidupan liar.

Menurut Jabatan PERHILITAN lagi, faktor perundangan sahaja tidak dapat mengurangkan ancaman terhadap hidupan liar di Malaysia kerana aktiviti pembangunan yang dijalankan turut memberikan kesan terhadap populasi fauna. Begitu juga dengan spesies flora yang turut menerima tempiasnya. Sebagai contoh, bunga Rafflesia yang dahulunya terdapat di beberapa buah negara termasuklah Malaysia kini semakin sukar ditemukan.

Sehubungan dengan itu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia atau lebih dikenali sebagai FRIM telah menggariskan dua jenis tumbuhan yang diancam kepupusan akibat pembangunan di Selangor dan Sarawak. Dua jenis tumbuhan itu ialah Merawan Kanching dan Keruing Layang. Tidak mustahil jika pada suatu hari nanti, generasi pada

KEPENTINGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN FLORA DAN FAUNA

- Elakkan kepupusan flora dan fauna.
- Dapatkan sumber air yang bersih.
- Elakkan suhu bumi meningkat (pemanasan global).
- Pastikan komposisi gas di udara kekal seimbang.
- Pastikan bekalan keperluan asas manusia tidak terjejas.
- Pastikan bekalan logam dan bukan logam di dalam kerak bumi tidak kehabisan.



masa hadapan tidak lagi dapat menatap keindahan bunga raya jika pembangunan di negara ini terus dilaksanakan tanpa perancangan yang sistematik dan teliti.

Flora dan fauna bukanlah hak milik individu semata-mata kerana ia hak milik semua. Oleh itu, peliharalah dan jagalah ia agar terus kekal supaya dapat menjadi tatapan generasi akan datang. Hal ini penting kerana Malaysia terkenal dengan kepelbagaian spesies flora dan fauna berbanding dengan negara-negara lain, iaitu termasuk dalam 12 buah negara yang kaya dengan kepelbagaian ekosistem, spesies dan genetik flora dan fauna.

Walaupun Malaysia hanya berkeluasan dua peratus daripada permukaan bumi, negara ini memiliki enam peratus kepelbagaian jenis flora dan fauna di dunia. Antaranya, termasuklah 216 spesies mamalia, 141 spesies ular, 150 000 spesies serangga, 625 spesies burung liar, 80 spesies cicak, 150 spesies katak dan 15 000 spesies tumbuhan berbunga.

Sehubungan dengan itu, kerjasama datang daripada pelbagai pihak dalam usaha untuk menjayakan misi terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan fauna dan flora. Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber mampu memberikan satu nilai yang berharga ke arah pembangunan serta peningkatan kualiti hidup. Hal ini perlu seiring dan seimbang kerana dapat berfungsi dalam melengkapkan antara satu sama lain.

Selagi minda masyarakat tidak berubah, selagi itulah masalah seperti kepupusan haiwan dan flora, pemanasan global, pencemaran sungai, pembalakan haram dan sebagainya tidak akan dapat diatasi. Kita hidup di bumi yang sama. Oleh itu, kita hendaklah sama-sama berusaha untuk membina satu bumi dan kehidupan yang lebih berkualiti, bersih, segar dan cantik dengan menghargai dan memulihara alam sekitar. ds

BIL.	SENARAI HUTAN LIPUR DAN HUTAN SIMPAN DI MALAYSIA	
1.	Taman Negara Bako	Teluk terpencil, tanjung berbatu serta tebing curam yang mempesonakan yang berhadapan dengan Laut China Selatan yang luas.
2.	Taman Negara Endau-Rompin	Hutan hujan yang tertua di dunia (130 juta tahun) dan tempat tinggal badak sumbu Sumatera.
3.	Taman Negara Bukit Lambir	Kolam air yang berwarna kehijau-hijauan dan bukit batu pasir yang mengagumkan menjadikan kawasan ini destinasi percutian yang mempesonakan.
4.	Taman Laut Tunku Abdul Rahman	Taman laut yang mengandungi lima buah pulau ini menawarkan pelbagai kemudahan, pantai yang putih bersih dan aktiviti snorkel serta boleh dikunjungi dengan menaiki bot selama 20 minit dari Kota Kinabalu.
5.	Taman Negara Batang Ai	Hutan hujan yang luas ini menjadi tempat tinggal hidupan liar seperti orang Utan dan burung Kenyalang. Taman ini juga mempunyai sebuah hotel bertaraf lima bintang.
6.	Taman Negara Gunung Mulu	Taman ini mengandungi rangkaian gua yang terpanjang di dunia dan di sini juga terletak "Sarawak Chamber", iaitu ruang bawah tanah terbesar di dunia yang boleh menampung 40 buah kapal terbang Boeing 747.
7.	Lembah Danum	Kawasan pemuliharaan yang kaya dengan tumbuhan dan hidupan liar, serta pemandangan alam sekitar yang mempesonakan.
8.	Taman Negara Similajau	Taman pinggir pantai sepanjang 30 km ini mempunyai pantai yang paling indah di Sarawak.
9.	Taman Laut Pulau Payar	Taman laut indah yang memaparkan keajaiban laut diganding dengan kemudahan sempurna membolehkan pelancong mendekati alam semulajadi.
10.	Taman Kinabalu	Gunung tertinggi di Malaysia (4101 meter) menyediakan pendakian yang mencabar dan pemandangan yang sungguh mengagumkan.
11.	Hutan Simpan Belum	Hutan simpan dara yang terluas di Semenanjung yang belum pernah diteroka serta kawasan perlindungan yang kaya dengan pelbagai hidupan liar.
12.	Taman Negara Tanjung Datu	Walaupun kecil, taman negara ini melindungi hutan hujan dara dan terumbu karang laut yang terletak hanya 100 meter antara satu sama lain.
13.	Taman Negara Gunung Gading	Tarikan utama Gunung Gading ialah bunga rafflesia yang besar. Antara tempat terbaik untuk melihat tumbuhan yang jarang-jarang ditemui.
14.	Taman Negara Tanjung Piai	Kawasan lindungan pantai pinggir paya bakau dan tempat tinggal pelbagai jenis hidupan liar yang unik.